

Mesyuarat Pesaka ikut dasar lama

3. Harian (M)
- 1 AUG 1990

PERSEKUTUAN Silat Ke-
bangsaan Malaysia (Pesaka)
terpaksa akur dengan arahan
Jabatan Pendaftaran Pertubuh-
an agar mengadakan mesyua-
rat agung berasaskan perle-
bagaan lama.

Setiausaha Pesaka, Abdul
Rahman Hassan, berkata Pesaka
masih menunggu surat
rasmi kedua daripada Jabatan
Pendaftaran Pertubuhan sebe-
lum mengadakan mesyuarat
majlis badan induk untuk mene-
tapkan tarikh mesyuarat
agung.

Katanya, Jabatan Pendafta-
ran Pertubuhan mengarahkan
Pesaka mengadakan mesyua-
rat agung berpandukan perle-
bagaan lama kerana kegagalan
badan induk silat kebangsaan
mengadakan mesyuarat agung
sebelum ini.

"Saya akan memanggil ahli
majlis Pesaka secepat mungkin
bagi menetapkan tarikh
mesyuarat agung. Tetapi, kini
saya masih menunggu arahan
selanjutnya daripada Jabatan
Pendaftaran Pertubuhan," jelas
beliau.

Mac lalu, Pesaka membuat
beberapa pindaan perlemba-
gaan dan masih menunggu ke-
lulusan sebelum mengadakan
mesyuarat agung.

Sebelum ini *Harian Sukan* di-
fahamkan, Menteri Besar Se-
langor, Tan Sri Muhammad
Haji Mohd Taib dijangka ber-
tanding merebut jawatan Presi-
den Pesaka yang kini disan-
dang oleh Datuk Abdul Rahman
Mahmud dari Johor.

Sejauh ini, Kelantan bermi-
nat mencalonkan Menteri Belia
dan Sukan, Datuk Seri Najib
Tun Razak, manakala Pahang
mencadangkan Menteri Kebu-
dayaan dan Pelancongan, Da-
tuk Sabaruddin Chik, bertan-
ding bagi jawatan Presiden.

Bagaimanapun kedua-dua
menteri pusat itu mungkin me-
narik diri jika Tan Sri Muham-
mad bersedia untuk mengisi ja-
watan berkenaan.

Abdul Rahman berkata, Pesaka
akan membuka pencalonan
selepas menetapkan tarikh
mesyuarat agung nanti.